



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN KHAMIS, 27 MAC 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



27/3/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	YKN TERUS BERBAKTI, SANTUNI KUMPULAN SASAR SEMPENA RAMADAN		POSITIF
	https://www.sinarharian.com.my/article/719720/berita/nasional/ykn-terus-berbakti-santuni-lebih-200-anak-yatim	SINARHARIAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	PANTAU PUSAT JAGAAN TIDAK BERDAFTAR JKM		POSITIF
	https://suarasarawak.my/pantau-pusat-jagaan-tidak-berdaftar-jkm/	SUARASARAWAK.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	BURNOUT NOW GRIPS STUDENTS, MINISTER WARNS		POSITIF
	https://www.sinardaily.my/article/717424/focus/national/burnout-now-grips-students-minister-warns#google_vignette	SINARDAILY.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	IBU, ANAK DITAHAN KES BUANG BAYI DALAM TANDAS STESEN MINYAK		NEGATIF
	https://www.buletintv3.my/jenayah/ibu-anak-ditahan-kes-buang-bayi-dalam-tandas-stesen-minyak/	BULETINTV3.MY	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/03/26/mayat-bayi-dalam-tandas-2-beranak-direman/	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	https://www.kosmo.com.my/2025/03/26/dua-beranak-ditahan-kes-mayat-bayi-dalam-tandas/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2025/03/26/2-beranak-ditahan-kes-mayat-bayi-terlangkup-dalam-lubang-tandas?utm_source=Telegram&utm_medium=link&=mStarOnlineTelegram	MSTAR.COM.MY	
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2406549	BERNAMA.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



27/3/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
	https://www.sinarharian.com.my/article/719782/berita/semasa/ibu-anak-ditahan-kes-bayi-mati-dalam-mangkuk-tandas#google_vignette	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.utusan.com.my/nasional/jenayah/2025/03/bayi-dalam-mangkuk-tandas-wanita-dua-beranak-ditahan/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.youtube.com/watch?v=-MZXmgb2QbE	YOUTUBE	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/ibu-anak-ditahan-kes-penemuan-mayat-bayi-dalam-mangkuk-tandas-di-sabak-bernam-514111	ASTROAWANI.COM	
	https://malaysiagazette.com/2025/03/26/buang-bayi-dalam-mangkuk-tandas-dua-beranak-ditahan/	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/03/1377300/2-beranak-ditahan-kes-mayat-bayi-dijumpai-dalam-tandas-stesen-minyak	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/03/1201322/ibu-anak-ditahan-kes-penemuan-mayat-bayi-dalam-mangkuk-tandas	HMETRO.COM.MY	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/03/26/cops-nab-mother-daughter-over-newborn-baby039s-body-found-in-petrol-station-toilet	THESTAR.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	KANAK-KANAK SAMAN TIGA PENGASUH, PEMILIK TASKA RM1.4 JUTA		NEGATIF
	https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/kanak-kanak-saman-tiga-pengasuh-pemilik-taska-rm1-4-juta	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://www.hmetro.com.my/utama/2025/03/1201253/budak-3-tahun-cedera-otak-saman-pengasuh-pemilik-taska-rm145-juta	HMETRO.COM.MY	
	https://www.thevibes.com/articles/news/106310/father-of-abused-boy-now-declared-disabled-sues-childcare-centres-babysitters-and-owner	THEVIBES.COM	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/03/26/father-of-abused-boy-sues-owner-employees-of-childcare-centre/	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kanakkanak-saman-tiga-pengasuh-pemilik-taska-rm12-juta-514045	ASTROAWANI.COM	



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



27/3/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
	https://www.bernama.com/bm/news.php/jenayah_mahkamah/news.php?id=2406374	BERNAMA.COM	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/03/kanak-kanak-tiga-tahun-saman-pengasuh-pengusaha-taska-rm1-45-juta/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/719746/berita/semasa/kanak-kanak-koma-fail-saman-rm14-juta-terhadap-pemilik-taska-pengasuh	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://malaysiagazette.com/2025/03/26/kanak-kanak-saman-tiga-pengasuh-pemilik-taska-rm1-2-juta/	MALAYSIAGAZETTE.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



YKN terus berbakti, santuni kumpulan sasaran sempena Ramadan

NURUL HIDAYAH HAMID [Follow](#)

26 Mac 2025 12:10pm



Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang juga Pengerusi Yayasan Kebajikan Negara (YKN) menyampaikan sumbangan duit raya kepada penerima pada Majlis Iftar Ala Madinah@Karangkraf. FOTO: ASRI/ASWANDI SHUKOR

SHAH ALAM - [DIKEMAS KINI] Yayasan Kebajikan Negara (YKN) sekali lagi melaksanakan inisiatif mula dengan menyantuni 214 anak-anak dari tujuh institusi kanak-kanak termasuk dari pusat tahfiz, rumah asnaf, rumah perlindungan kanak-kanak, dan institusi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) pada Majlis Iftar Ala Madinah @ Karangkraf pada Selasa di sini.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri, berkata, majlis yang diadakan bersempena bulan Ramadan ini merupakan salah satu usaha murni untuk menyantuni kanak-kanak yang memerlukan.

Bellau yang juga Pengerusi YKN, berkata, sumbangan kepada golongan memerlukan ini membuktikan bahawa rakyat Malaysia dan organisasi sentiasa pemurah hati serta prihatin terhadap nasib anak-anak yatim ini.

"Kita mengharapkan amalan sebegini berterusan bagi membantu meringankan beban keluarga dan juga anak-anak yang menjadi kumpulan sasaran kita," katanya.

"Jadi, saya harap juga ada pihak lain melakukan usaha sama seperti Karangkraf demi memberi peluang kepada kanak-kanak di bawah institusi kita dan anak yatim mengumpul duit raya pada bulan puasa ini," katanya.

Bellau berkata sedemikian ketika ditemui pada Majlis Iftar Ala Madinah @ Karangkraf serta Jelajah Kasih Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS) 'Kami Dengar, Kami Bantu' YKN pada Selasa.



Nancy (dua, kiri) dan Nordina (kini) beramah mesra dengan pelajar yang mendapatkan perkhidmatan PSSS bergerak YKN.

YKN juga untuk kali kedua berturut-turut menaja sebanyak 1,500 pek juaedah berbuka puasa kepada para pengunjung Majlis Iftar Ala Madinah@Karangkraf sebagai sebahagian daripada usaha meraikan kumpulan sasaran sempena keberkatan bulan Ramadan.

Turut hadir, Pengerusi Kumpulan Karangkraf, Firdaus Hussamuddin; Ketua Pegawai Eksekutif Grup Sinar Karangkraf, Farah Hussamuddin; dan Ketua Pengarang Kumpulan Sinar Harian, Zamri Rambli.

Dalam perkembangan sama, bellau memaklumkan, PSSS kini semakin mendapat perhatian sebagai platform baharu yang memberikan sokongan psikologi kepada golongan yang memerlukan.

Nancy memberitahu, YKN menerima banyak permintaan untuk membawa PSSS ini ke kolej, sekolah, dan tempat kerja, bagi membantu mereka yang memerlukan perkhidmatan kaunseling.

Tambah Nancy, PSSS menjadi pilihan mereka yang memerlukan sokongan mental untuk mengatasi tekanan, sekali gus menunjukkan keperluan sokongan mental adalah amat kritikal dan menjadi fokus utama dalam program tersebut.



Nancy (lima kiri) bersama wakil dari institusi kanak-kanak yang menerima sumbangan pada Majlis Iftar Ala Madinah Karangkraf.

Terdahulu, Nancy berkongsi pengalamannya menyertai majlis iftar secara beramai-ramai di Dataran Karangkraf sebanyak dua kali sejak tahun lepas.

Bellau turut mengalu-alukan inisiatif Karangkraf yang menganjurkan program iftar tersebut dan berharap agar program ini dapat diteruskan pada masa akan datang.

"Saya juga tidak keberatan untuk duduk bersila dan berbuka puasa bersama-sama di dataran. Ia satu pengalaman yang sangat menyenangkan," katanya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif YKN, Nordina Haron, memaklumkan bahawa anak-anak yatim yang hadir menerima pelbagai bantuan, termasuk pakalan raya, keperluan harian, dan duit raya yang disumbangkan oleh Alliance Islamic Bank.

Katanya, antara penerima sumbangan ialah Baitul Sakinah As Shariff, Persatuan Kebajikan Anak Yatim Miskin Al Munirah, dan Kompleks Tahfiz Al Quran & Sukan Sofiuddin (KOMTAS).



Pengunjung membentangi Dataran Karangkraf untuk memerah iftar Ala Madinah@Karangkraf.

Bellau memaklumkan, selain itu, anak-anak yatim dari Darul Ulum Zaiyadul, Darul Tahfiz Darul Pekima, Saiful Nuang RPWP, dan Institut Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Selangor turut menerima sumbangan.

"Selain meraikan anak-anak yatim, YKN turut membawa PSSS bergerak untuk memudahkan masyarakat bertemu kaunselor dan meluahkan isi hati mereka," katanya.

Sehubungan itu, Nordina mengucapkan terima kasih kepada Karangkraf kerana menganjurkan majlis iftar tersebut, kerana ia bukan sahaja memberi peluang kepada YKN untuk menyantuni kumpulan sasaran, tetapi juga memperkenalkan perkhidmatan PSSS disediakan mereka.

Tambahnya, PSSS yang menyediakan khidmat bimbingan kaunseling dan psikososial secara bersempua bersama kaunselor berdaftar aktif melaksanakan siri jelajah di seluruh negara dalam usaha mengatasi isu tekanan mental yang semakin membimbangkan di seluruh negara.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



PERIKSA... Sekitar pemeriksaan oleh Unit Penguatkuasaan PKMB Sri Aman di sebuah pusat jagaan tidak berdaftar di Kampung Melayu, Lubok Antu.

Pantau pusat jagaan tidak berdaftar JKM

👤 OSMAN RAZALI 🕒 5 minit lepas 📍 SARAWAK, UTAMA 🕒 5 minit lepas

LUBOK ANTU: Pejabat Kebajikan Masyarakat Bahagian (PKMB) Sri Aman memantau rapi aduan tentang wujudnya pusat jagaan tidak berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Sarawak.

Pada Selasa, Unit Penguatkuasaan PKMB Sri Aman menerima aduan tentang kewujudan sebuah pusat jagaan tidak berdaftar yang terletak di Kampung Melayu, Lubok Antu.

Susulan itu, lawatan dan siasatan dilakukan serta merta.

Seperti kenyataan PKMB Sri Aman, pusat jagaan tersebut didapati diusahakan oleh seorang individu dengan lima penghuni merupakan lelaki dewasa mualaf berasal dari Sri Aman, Kuching dan Pusa, yang berusia dalam lingkungan 48 hingga 67 tahun.

“Kita menegaskan agar mereka bertindak mendaftarkan pusat tersebut sebagai pusat jagaan berdaftar sekiranya masih ingin memberi jagaan kepada golongan yang memerlukan.

“Pihak JKM akan terus memantau dari semasa ke semasa bagi memastikan pusat tersebut beroperasi sebagai pusat jagaan yang sah dan berdaftar serta mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan di bawah Akta Pusat Jagaan,” kata kenyataan itu, semalam.

Jelasnya, pengusaha diminta hadir ke pejabat kebajikan terdekat berhubung dengan proses pendaftaran sebagai pusat jagaan.

Hasil siasatan JKM juga mengesahkan, lima individu yang dijaga di pusat tersebut tinggal secara percuma – segala perbelanjaan harian termasuk keperluan makan minum, pakaian dan kos rawatan ditanggung oleh pengusaha.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Burnout now grips students, Minister warns

This phenomenon is no longer limited to working professionals; students as young as those in primary and secondary schools are beginning to exhibit signs of emotional and physical exhaustion.



By KOUSALYA SELVAM
26 Mar 2025 08:00pm

Follow



SHAH ALAM – Burnout, once considered a workplace issue, now increasingly affects students.

Even those in primary and secondary schools display signs of emotional and physical exhaustion.



Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri, addressing societal challenges, cited the growing demand for mental health support. - Bernama photo

Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri, addressing societal challenges, cited the growing demand for mental health support.

"Students, in particular, experience burnout. While schools offer counsellors, many prefer to speak with someone neutral, someone who can provide guidance," she said at Karangkraf headquarters here on Tuesday.

She detailed the role of One-Stop Social Support Centre (PSSS), a one-stop support centre designed to meet mental health needs.

This initiative provides professional counselling not just for students, but for office workers, doctors, nurses and the broader community.

"PSSS offers a safe space for individuals to open up, a resource often needed when people are hesitant to confide in their own counsellors," she said.

Nancy also stressed the importance of self-awareness regarding mental health.

"Often, individuals are unaware of their need for help until they engage in conversation.

"Counsellor assessments and follow-ups can reveal underlying emotions and thoughts," she said.

Discussing the Ministry's Ramadan initiatives, Nancy acknowledged the demanding schedules her team faced.

Yet, she commended the widespread spirit of generosity among Malaysians.

"Ramadan fosters a collaborative atmosphere. People readily offer assistance.

"Our Ministry frequently acts as a liaison, connecting donors with those in need.

"Many lack direct contact with vulnerable groups, and we facilitate these connections," she added.

She praised the financial generosity of Malaysians during Ramadan.

"This period inspires a desire to give, with people seeking spiritual and emotional rewards," she said.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Ibu, anak ditahan kes buang bayi dalam tandas stesen minyak

🕒 26 Mac 2025, 4:32pm



SUNGAI BESAR: Polis menahan seorang wanita dan anak perempuannya bagi membantu siasatan [kes penemuan mayat bayi lelaki dalam mangkuk tandas](#) di sebuah stesen minyak di Kampung Sungai Haji Dorani, di sini, Ahad lalu.

Ketua Polis Daerah Sabak Bernam, Superintendan Md Yusof Ahmad berkata, suspek pertama, wanita berusia 41 tahun, diberkas sekitar jam 6.15 petang semalam di pekarangan sebuah kilang di Meru, Klang.

Susulan maklumat daripada suspek pertama, polis kemudian menahan suspek kedua, remaja perempuan berusia 18 tahun yang juga pekerja restoran makanan segera, kira-kira jam 8.30 malam hari sama di Meru.

“Hasil siasatan lanjut mendapati suspek pertama dipercayai tidak mengetahui anak perempuannya itu mengandung,” katanya dalam satu kenyataan, hari ini.

Beliau berkata, polis turut merampas sebuah kereta Perodua Bezza, pakaian, telefon bimbit serta beberapa barangan lain milik kedua-dua suspek.

Md Yusof memaklumkan, kertas siasatan telah dibuka mengikut Seksyen 318 Kanun Keseksaan, dan permohonan reman terhadap kedua-dua suspek telah dibuat di hadapan Majistret Kuala Selangor.

Kedua-dua suspek direman selama empat hari bermula semalam hingga 29 Mac ini.

Sebelum ini, media melaporkan pengunjung sebuah stesen minyak di Kampung Sungai Haji Dorani gempar apabila menemui mayat seorang bayi dalam tandas.

Dalam kejadian sekitar jam 11.15 pagi Ahad lalu, mayat bayi itu ditemui dalam keadaan terlangkup di dalam lubang tandas.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Kanak-kanak saman tiga pengasuh, pemilik taska RM1.4 juta

Jenayah - Dicipta: 26 Mac 2025 04:59 PM



Mangsa, Ahmad Aysar Wildan yang berusia tiga tahun kini disahkan sebagai OKU/RTM

KUALA TERENGGANU, 26 Mac— Seorang kanak-kanak berusia tiga tahun memfailkan saman sivil terhadap tiga pengasuh dan pemilik sebuah taman asuhan kanak-kanak (taska) atas dakwaan kecuaiannya yang menyebabkan kecederaan serius termasuk pendarahan otak dan keretakan tempurung kepala.

Saman sivil itu difailkan Ahmad Aysar Wildan melalui bapanya, Dr Ahmad Syamil Hadi Ibrahim, 31, menuntut ganti rugi secara bersejajam dan/atau berasingan berjumlah RM1.45 juta merangkumi ganti rugi teruk, ganti rugi teladan serta ganti rugi khas.

Peguam Mohd Hazwan Hamidun dan Alif Danial Ahmad Shahrulnizam yang mewakili mangsa memaklumkan kecederaan dialami plaintif ketika berusia empat bulan termasuk pendarahan di bahagian kiri otak, keretakan tengkorak kiri serta pendarahan retina di kedua-dua mata.

Akibat insiden itu, mangsa disahkan sebagai orang kurang upaya (OKU) dan berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Mahkamah menetapkan 22 April sebagai tarikh sebutan kes.

Bapa mangsa, Ahmad Syamil Hadi menyatakan harapannya agar saman tersebut membawa keadilan kepada anaknya selepas insiden yang disifatkan sebagai tidak berperikemanusiaan.

"Saya berharap saman ini akan memberikan keadilan sewajarnya kepada anak saya selepas apa yang berlaku. Kejadian ini di luar jangkaan dan sangat tidak berperikemanusiaan. Kes jenayah telah selesai, tetapi perjuangan kami belum berakhir.

"Kami akan meneruskan kes di Mahkamah Sivil untuk memastikan anak saya mendapat pembelaan yang sepatutnya," katanya ketika ditemui RTM hari ini.



Bapa mangsa, Ahmad Syamil Hadi Ibrahim menyifatkan kejadian yang menimpa anaknya itu sebagai tidak berperikemanusiaan/RTM